

Utusan Malaysia

Johor Seksyen

Sabtu, 25 April 2015

Muka Surat:31

PTP anjur motivasi UPSR murid Gelang Patah

JOHOR BAHRU 24 Apr. -

Seramai 130 murid tahun enam dari 13 sekolah di kawasan Gelang Patah menyertai majlis ceramah motivasi bagi persediaan menghadapi Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) anjuran Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di sini, baru-baru ini.

Program sehari yang diadakan di Savanah Hill Resort, Ulu Tiram, di sini yang melibatkan 20 orang guru itu bertujuan untuk memupuk sikap positif dan yakin diri dalam diri murid-murid sebelum menduduki peperiksaan penting tidak lama lagi.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PTP, Hanif Hamid dalam satu kenyataan akhbar berkata, PTP komited dalam membantu program pendidikan yang akan menyumbang terhadap masyarakat setempat.

"Ini merupakan program kali kelapan sejak tahun 2007 dan turut mendapat kerjasama antara Majlis Guru Kaunseling Kebangsaan (MGKK) Johor Bahru. Program ini juga bertujuan memberi input tambahan mengenai pembelajaran selain melengkapkan diri mereka dengan keyakinan dan motivasi lebih tinggi.

"Kami berharap agar program ini bukan sahaja membantu mereka mendapat keputusan yang cemerlang, malah membolehkan mereka memperbaiki teknik pembelajaran agar dapat dipraktikkan pada masa akan datang," katanya.

Hanif berkata, sebagai sebuah syarikat korporat yang prihatin, PTP sentiasa memberi penekanan terhadap pembangunan kesejahteraan dan sosioekonomi golongan berkenaan.

Ceramah motivasi tersebut, katanya, adalah antara salah satu usaha PTP yang disasarkan untuk membantu meningkatkan semangat murid untuk berusaha dengan lebih gigih dalam mencapai kejayaan.